

# FPP BizNewz

June - November 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

## Endometriosis

Sejauh Mana Kesedaran Anda?

## Personal Shopper

What You Need To Know

## Sustainable Packaging in eCommerce

A Few Solutions to Protect the Planet

Type text here

## How To Teach Your Children To Pack Their Backpacks For Travel? An Easy Guide

## A Short Vacay in Hat Yai

## My Sister, My Best Friend

## Kredit Mikro di Malaysia

# H0BI



Publication Date  
8 November 2022

Photo by Matt Chambers on Unsplash



Nukilan:

1Nadia Farleena Mohd Aznan, 1Yusrina Hayati Nik Muhammad Naziman, 1Nor Haryanti Md Nor & 2Nurul Syuhada Baharuddin

1Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.

2Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia.

\*Koresponden emel: nurul574@uitm.edu.my

**Pada suatu ketika, seorang anak perempuan datang mengadu kepada bapanya bahawa hidupnya dilanda pelbagai pancaroba. Dia mula merasa lemah dan tidak berdaya. Cabaran kian menyusul tanpa henti rintih sang anak. Lantas menitishlah air mata di hadapan bapa yang amat dihormatinya itu.**

Ayahnya, seorang cef, mengajak anak perempuan ke dapur. Si anak mula merasa pelik. Dia melihat ayahnya itu mengisi tiga periuk dengan air dan meletakkan setiap satu di atas api. Setelah ketiga-tiga periuk mula mendidih, dia meletakkan kentang di dalam satu periuk, telur di dalam periuk kedua dan biji kopi yang dikisar dalam periuk ketiga.

Tanpa berkata apa-apa kepada anak perempuannya, sang bapa hanya melihat dan menunggu ketiga-tiga periuk itu mendidih. Si anak perempuan mula mengeluh dan tidak sabar menanti, bertanya-tanya apa yang dilakukan oleh si ayah.

Selepas seketika, si ayah mula menutup api dapurnya. Dia mengeluarkan kentang dan telur daripada periuk dan meletakkannya di dalam mangkuk. Kemudian, si bapa menyenduk kopi dan meletakkannya di dalam cawan. Pantas si bapa menoleh kepada anaknya dan bertanya, "Anakku, apa yang kamu lihat?"

"Kentang, telur dan kopi", jawab si anak dengan tergesa-gesa.

"Lihat lebih dekat dan sentuh kentang itu", kata ayahnya. Anak perempuan itu hanya menuruti kata-kata si bapanya dan menyatakan bahawa kentang itu lembut. Sanga ayah kemudian meminta anaknya untuk mengambil telur dan memecahkannya. Selepas mengeluarkan kulit telur tersebut, dia memerhatikan telur rebus itu. Akhir sekali, si anak disuruh untuk menghirup kopi. Aroma kopi itu membawa senyuman di wajah sang anak.

"Ayah, apa maksudnya?" si anak bertanya. Si bapa kemudian menjelaskan bahawa kentang, telur dan biji kopi masing-masing menghadapi kesukaran yang sama iaitu air mendidih. Namun, masing-masing bertindak balas dengan cara yang berbeza.

Kentang asalnya keras dan kuat, tetapi dalam air mendidih, ia menjadi lembut dan lemah.

Telur itu rapuh, dengan kulit luar yang nipis melindungi bahagian dalam cecairnya sehinggalah ia dimasukkan ke dalam air yang mendidih. Kemudian bahagian dalam telur terus berubah menjadi keras.

Walau bagaimanapun, biji kopi yang dikisar adalah unik. Selepas ia terkena air mendidih, kopi itu mampu bertukar dan akhirnya terciptalah sesuatu yang baharu dan disukai.

"Siapakah kamu?", si ayah bertanya kepada anak perempuannya. Kini anak perempuannya mengerti dan tersenyum.

Apabila sesuatu dugaan atau kesusahan mengetuk pintu anda, bagaimanakah reaksi anda? Adakah anda ingin menjadi seperti kentang, telur, atau biji kopi? Tepuk dada tanyalah iman.



BizNewz 2022  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: biznewzuitm@gmail.com